## MAHKAMAH KUALA KUBU BHARU

**Bangunan Mahkamah Kuala Kubu Bharu telah dirancang untuk dibina di tapak bersebelahan Pejabat Pentadbiran Majlis Daerah Hulu Selangor yang bertempat di Jalan Bukit Kerajaan.  Tapak di Lot 28, Seksyen 14, Kuala Kubu Bharu dalam Daerah Hulu Selangor yang berkeluasan 0.391 hektar diluluskan untuk pembinaan bangunan Mahkamah Kuala Kubu Bharu.  Dokumen hak milik dikeluarkan pada 22 Jun 2007.  Pembinaan bangunan Mahkamah Kuala Kubu Bharu melibatkan 1 bilik bicara Mahkamah Sesyen, bilik Peguam, bilik Pendakwa Raya, pejabat polis, bilik saksi dan kanak-kanak dengan kemudahan pelbagai guna, pejabat pentadbiran dan pendaftaran kes, lokap berasingan bagi tahanan lelaki dan perempuan, pondok pengawal dan juga bilik utiliti yang lain.**

